

30 DEC 1996

PERDANA MENTERI GEMBIRA DENGAN PEMBEBASAN MOKHTAR SELAT

SHAH ALAM, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini gembira dengan pembebasan Duta Malaysia ke Peru Ahmad Mokhtar Selat, semalam, yang ditahan oleh gerila Pergerakan Revolusi Tupac Amaru di kediaman Duta Besar Jepun di Lima, awal pagi semalam, selepas menjadi tebusan selama 11 hari.

"Saya sangat gembira untuknya. Ia merupakan tempoh yang penuh cubaan bagi dirinya dan juga kita semua," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemberita selepas merasmikan kereta Proton yang ke satu juta dan pelancaran Proton Putra di Kilang Pengeluaran Kereta Nasional di sini, hari ini.

Beliau berkata walaupun kerajaan berpendapat perlu melakukan sesuatu (bagi pembebasan Ahmad Mokhtar), tetapi pada masa yang sama, kerajaan tidak mahu dilihat memberi tekanan kepada kerajaan Peru.

"Saya rasa mereka (kerajaan Peru) telah melakukannya dengan cemerlang," katanya.

Ketika ditanya mengenai permintaan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak untuk melanjutkan tempoh pembaharuan kad pengenalan, Dr Mahathir berkata beliau akan mengkaji permintaan itu.

Kedua-dua kerajaan negeri itu meminta kerajaan pusat melanjutkan tempoh pembaharuan kad pengenalan selepas mendapati penduduk di kedua-dua negeri itu mengalami kesukaran berbuat demikian kerana faktor geografi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata jika tempoh itu dilanjutkan, masih ada orang yang akan melengahkan urusan pendaftaran kad pengenalan mereka, katanya.-- BERNAMA

RAZ NAK